

# KOMUNIKASI

## BERDASARKAN PRINSIP KESOPANAN DAN KESUSILAAN

**M**enurut *Kamus Dewan Perdana*, komunikasi ialah perhubungan secara langsung atau dengan perantaraan surat, radio, telefon dan lain-lain. Carl I. Hovland pula mendefinisikan komunikasi sebagai proses bagi seseorang penutur memindahkan rangsangan yang biasanya perlambangan berbentuk kata-kata untuk mengubah tingkah laku orang lain. Komunikasi yang digunakan bukan setakat menyampaikan pesanan, tetapi melibatkan tujuan yang lebih bermakna, iaitu mengubah tingkah laku orang lain dan merangsang tindakan yang positif.

Komunikasi boleh berbentuk sehalu atau dua hala. Komunikasi sehalu ialah maklumat yang disampaikan tidak memerlukan reaksi daripada penerima maklumat tersebut. Penyampai maklumat lebih banyak melibatkan diri dalam memberikan arahan, huraian, penjelasan dan penerangan kepada penerima. Komunikasi dua hala pula ialah penyampaian maklumat kepada satu pihak atau lebih (penerima) dan pihak tersebut memberikan maklum balas yang selari dengan penyampai maklumat. Sekiranya tidak ada keselarian makna, maka tidak berlaku komunikasi. Hal ini kerana maksud komunikasi mesti mencakupi kesefahaman dalam tafsiran sesuatu maklumat antara penyampai dan penerima maklumat.

Komunikasi terbahagi kepada dua jenis, iaitu komunikasi lisan (verbal) dan komunikasi bukan lisan (non-verbal). Komunikasi lisan merujuk sebarang komunikasi yang disampaikan kepada pendengar

**Perkataan komunikasi atau communication dalam bahasa Inggeris berasal daripada bahasa Latin, iaitu *communis* yang bermaksud kebersamaan atau membangun kebersamaan antara dua orang atau lebih.**

dengan menggunakan bahasa pertuturan. Komunikasi lisan didefinisikan sebagai proses yang melibatkan lisan yang menitikberatkan keadaan nada suara, bahasa yang digunakan, kefasihan sebutan dan kelancaran perkataan yang digunakan. Contoh komunikasi lisan ialah berceramah, berpidato, pengucapan umum, temu ramah, perkhidmatan kaunter, taklimat, persidangan dan mesyuarat.

Komunikasi bukan lisan boleh diertikan sebagai sebarang komunikasi yang disampaikan kepada pendengar tanpa melibatkan bahasa pertuturan atau melalui isyarat. Pakar dalam bidang komunikasi sepakat bahawa komunikasi bukan lisan melibatkan proses penyampaian maklumat tanpa kata-kata. Penyampaian maklumat boleh berlaku dengan cara bertulis, bercetak, simbol, penggunaan isyarat, cara pemakaian, ekspresi muka, pandangan mata, bahasa tubuh, nada suara dan penggunaan objek.

Kesopanan dan kesusilaan yang menjadi wacana penulisan ini merupakan prinsip kelima dalam Rukun Negara. Melalui prinsip tersebut rakyat Malaysia wajib mendukung tolak ansur, timbang rasa dan berkelakuan baik. Dua nilai teras Malaysia MADANI, iaitu hormat dan ihsan selaras dengan semangat prinsip kesopanan dan kesusilaan.

Hormat menurut nilai teras Malaysia MADANI ialah perilaku budi bahasa kepada kekayaan tradisi, merayakan kemajmukan dan meraikan perbezaan pandangan dunia. Manakala ihsan ialah belas ihsan akan nasib semua pihak melalui tindakan pemerkasaan kemanusiaan.



**Komunikasi dalam keluarga seharusnya berlangsung dalam keadaan harmoni.**

Penghayatan prinsip kesopanan dan kesusilaan ini boleh membawa kepada perhubungan yang harmoni dan saling menghormati dalam masyarakat Malaysia yang majmuk. Rakyat majmuk yang bersopan santun dan bertatasusila dapat membentuk masyarakat yang memeluk utuh tiang perpaduan. Tradisi dan budaya rakyat Malaysia yang penuh tatasusila dan kesopanan seharusnya dipelihara dan diamalkan supaya masyarakat bebas daripada amalan asing dan kebiasaan yang boleh merosakkan akhlak masyarakat.

Justeru, komunikasi berdasarkan prinsip rukun negara kelima ialah komunikasi yang penuh beradab, berbudi bahasa, hormat dan ihsan. Antonim bagi komunikasi tersebut ialah komunikasi negatif. Komunikasi negatif melibatkan penggunaan perkataan atau kata-kata lucah, kesat, menghina dan memfitnah sama ada dalam bentuk komunikasi lisan atau bukan lisan. Komunikasi negatif itu juga telah menjadi kebiasaan dalam masyarakat tanpa mengira umur, status dan pangkat.

Kebiasaan negatif tidak boleh dibiarkan melarat dan wajar dibendung bagi membentuk insan madani. Insan madani bermaksud individu yang maju dari segi jasmani atau fizikal dan rohani. Kemajuan fizikal dan rohani insan tidak akan tercapai jika yang terbentuk adalah masyarakat tidak beradab. Oleh itu, komunikasi berdasarkan kesopanan dan kesusilaan perlu diterapkan sejak di rumah lagi. Ibu bapa perlu menjadi suri teladan kepada anak-anak kerana mereka merupakan insan yang paling hampir dengan anak-anak sejak kecil lagi. Malahan, masa yang diluangkan juga lebih lama bersama-sama ibu bapa berbanding dengan individu lain.

Komunikasi yang baik amat penting untuk meningkatkan perkembangan kognitif dan perhubungan sosial kanak-kanak. Tambahan pula, jika hubungan komunikasi ibu bapa dengan anak berlangsung dengan baik, hubungan kekeluargaan akan menjadi harmoni dan memudahkan proses penyelesaian masalah. Maka itu, ibu bapa perlu mengamalkan komunikasi yang berkesanan dengan anak-anak agar dapat mencapai proses pendidikan yang lebih baik dan seimbang.

Penggunaan komunikasi negatif oleh ibu bapa dapat mempengaruhi kesan buruk kepada anak-anak. Apabila mereka menginjak ke alam persekolahan, anak-anak tadi akan terikut-ikut dengan cara komunikasi negatif yang menjadi kebiasaan oleh ibu bapa. Oleh sebab itu, sejak sekolah rendah lagi terdapat murid yang menggunakan bahasa kurang sopan ketika berkomunikasi dengan rakan mereka. Hal ini dikatakan demikian, faktor utama murid menggunakan bahasa kurang sopan disebabkan oleh ibu bapa mereka yang menggunakan komunikasi negatif terutama ketika berada di rumah. Oleh itu, kemenjadian anak-anak adalah cerminan ibu bapa.

Anak-anak seawal sekolah rendah juga mengetahui bahasa kurang sopan melalui telefon pintar. Anak-anak terdedah dengan penggunaan bahasa kurang sopan apabila melayari pelbagai platform yang menyediakan video, drama atau filem atas talian tanpa sebarang panduan dan kawalan ibu bapa. Bagi mengelakkan perkara tersebut, ibu bapa harus peka terhadap kandungan yang ditonton oleh anak mereka. Ibu bapa wajar memastikan anak mereka hanya menonton kandungan yang sesuai untuk seisi keluarga dan tidak menonton kandungan untuk orang dewasa. Kebiasaannya, kandungan untuk orang dewasa terdapat penggunaan bahasa kurang sopan yang sangat tidak sesuai untuk kanak-kanak.

Bukan sahaja bahasa kurang sopan, malahan kanak-kanak seawal usia 10 tahun telah terdedah dengan kandungan pornografi. Lebih membimbangkan apabila mereka yang menjadi ketagih pornografi cuba melakukan aksi yang ditontonnya. Maka berlakulah kes sumbang mahram, penzinaan dan rogol. Oleh sebab itu, pentingnya ibu bapa cakna akan segala aktiviti anak-anak termasuklah laman sesawang atau platform media sosial yang dilawatinya. Kandungan yang memaparkan kelakuan kurang sopan, berkata-kata kesat dan lucah wajar disekat.

Fasa seterusnya ialah didikan guru di sekolah. Selain ibu bapa, guru juga menjadi suri teladan kepada pelajarannya. Komunikasi lisan dan bukan lisan guru dapat mempengaruhi pelajar. Jika guru melemparkan kata-kata kesat dan maki hamun, tidak mustahil pelajar akan terpengaruh dengan sikap buruk itu. Guru akan dijadikan ikutan para pelajar kerana beranggapan bahasa kurang sopan suatu kebiasaan dalam komunikasi. Guru juga perlu menghayati prinsip kesopanan dan kesusilaan serta ihsan dan hormat yang menjadi nilai teras Malaysia MADANI supaya dapat menerapkan komunikasi berdasarkan prinsip Rukun Negara kelima tersebut kepada para pelajar.

Komunikasi berdasarkan kesopanan dan kesusilaan dapat dipelajari melalui mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral. Satu bab tentang cara berkomunikasi berdasarkan prinsip kesopanan dan kesusilaan perlu dikhususkan dalam mata pelajaran

bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan Pendidikan Moral. Dalam bab itu juga, pelajar akan mempelajari makna prinsip kesopanan dan kesusilaan, selain cara berkomunikasi dengan betul mengikut lapisan masyarakat yang bermula dengan ibu bapa hinggalah pemimpin.

Dalam mata pelajaran Pendidikan Islam, tajuk khusus tentang cara berkomunikasi dengan pelbagai lapisan masyarakat menurut Islam dengan mengambil contoh sirah para nabi dan rasul perlu diperkenalkan. Islam mempunyai cara untuk berkomunikasi dengan ibu bapa atau ahli keluarga, rakan taulan, jiran tetangga, orang yang lebih tua dan pemimpin. Tuntasnya, komunikasi yang penuh beradab, berbudi bahasa, hormat dan ihsan akan dapat diterapkan dalam diri pelajar.

Hal ini penting bagi melahirkan insan madani yang akan menggunakan komunikasi berdasarkan prinsip kesopanan dan kesusilaan terhadap ibu bapa atau ahli keluarga, guru, jiran tetangga, rakan taulan, rakan sekerja, orang yang lebih tua dan pemimpin sama ada di sekolah, institusi pengajian tinggi, organisasi atau tempat kerja. Individu yang menggunakan

untuk membezakan antara hujahan yang sah atau benar dengan yang tidak benar.

Ilmu logik yang diperkenalkan dalam mata pelajaran Falsafah dan Isu Semasa berperanan dalam melatih, mendidik dan meluaskan potensi akal dalam mengkaji objek fikir dengan menggunakan metodologi berfikir; membezakan proses berfikir yang benar dengan salah; memelihara akal daripada kesalahan berfikir; dan menajamkan akal fikiran dan membina kebenaran dalam berfikir. Terdapat beberapa kaedah berfikir dalam ilmu logik antaranya deduktif, induktif, abduktif dan heuristik. Penggunaan kaedah berfikir dengan betul dapat mengenal pasti dan menolak falasi.

Falasi ialah hujahan palsu yang digunakan untuk mengelirukan atau mempengaruhi individu lain agar mempercayainya sebagai suatu yang benar atau sah. Perkataan falasi berasal daripada *fallo* yang bermaksud saya menipu. Insan yang tidak dibekalkan dengan ilmu falsafah akan berkomunikasi menurut emosi dan tanpa memikirkan kesan tindakan tersebut pada masa akan datang. Komunikasi seperti itu akan menimbulkan fitnah, kebencian dan permusuhan. Usah

*Individu yang menggunakan komunikasi negatif hanya akan mencetuskan salah faham, kemarahan, kebencian dan permusuhan bak kata peribahasa Melayu “sebab pulut santan binasa, sebab mulut badan binasa”.*

komunikasi negatif hanya akan mencetuskan salah faham, kemarahan, kebencian dan permusuhan bak kata peribahasa Melayu “sebab pulut santan binasa, sebab mulut badan binasa”.

Ilmu etika dan peradaban akan dapat membentuk insan yang mengamalkan perlakuan beretika dan berperadaban. Selain itu, kejayaan penerapan etika dan peradaban akan terbukti apabila masyarakat memiliki ciri-ciri seperti keperibadian tinggi, saling menghormati, hidup harmoni, membina negara bangsa, bertanggungjawab, amanah, berani dan rajin. Masyarakat beretika dan berperadaban sudah tentu tidak menggunakan komunikasi negatif yang amat bertentangan dengan prinsip kesopanan dan kesusilaan.

Ilmu logik dalam falsafah dapat membentengi masyarakat daripada komunikasi negatif seperti fitnah dan penghinaan terhadap mana-mana individu, etnik, budaya dan agama. Logik berasal daripada bahasa Latin, iaitu *logos* yang bermaksud ucapan atau perkataan. Dalam bahasa Arab logik dikenali sebagai *mantiq*. Oleh hal yang demikian, logik ialah ilmu, disiplin atau peraturan akal yang jika dipatuhi boleh menghindarkan diri daripada kesalahan berfikir. Fokus ilmu logik menjelaskan bahawa kaedah dan prinsip yang perlu dipatuhi

menyesal sekiranya komunikasi negatif memakan diri seperti pepatah Melayu menyebut “terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata buruk padahnya.”

Sesetengah masyarakat Malaysia, baik tua mahupun muda berkomunikasi tanpa rasa ihsan dan hormat. Hal ini berlaku kerana sesetengah masyarakat tidak menjunjung budaya timur yang penuh sopan santun dan budi pekerti yang baik. Hilang rasa ihsan dan hormat apabila golongan muda meninggikan suara dan memaki hamun yang tua, manakala golongan tua pula memperlekeh, mengherdik dan membenci yang muda. Oleh itu, betapa pentingnya komunikasi berdasarkan prinsip kesopanan dan kesusilaan agar “yang tua dihormati, yang muda disayangi”.

Prinsip kelima Rukun Negara perlu dihayati oleh segenap lapisan masyarakat. Komunikasi berdasarkan prinsip kesopanan dan kesusilaan akan dapat membentuk insan madani. Hal ini demikian kerana komunikasi tersebut terpujuk dengan sopan santun, berbudi pekerti, ihsan dan hormat. Komunikasi negatif pula hanya untuk individu yang buruk akhlak. Peliharalah maruah dengan membiasakan diri berkomunikasi menurut prinsip kesopanan dan kesusilaan. “Usah duduk sama rendah, berdiri sama tinggi” dengan individu yang tidak menjaga tutur kata dan menjadikan bahasa kurang sopan sebagai kebiasaan dalam kehidupan sehariannya. ■